

DUA PERATUS: DIGUNAPAKAI ATAU DIPERSOAL?



> Sorotan
MSWG

Muka 5

> Tinjauan Mingguan
MSWG AGM/EGM

Muka 6

> Pengumuman
Khas

Muka 20

CUKAI DIVIDEN – KEBAIKAN ATAU KEBURUKAN?

Antara pelbagai langkah yang diperkenalkan dalam Bajet 2025, cukai 2% ke atas pendapatan dividen yang melebihi RM100,000, yang akan berkuat kuasa pada tahun hadapan, merupakan suatu kejutan yang tidak dijangka kepada pelabur tempatan.

Sesetengah pihak memuji langkah ini kerana ia dapat memperluas asas cukai dan mempelbagaikan sumber hasil kerajaan, manakala yang lain melihatnya sebagai langkah tidak popular yang berpotensi mendorong pelabur menjauhi negara kita.

Bagaimana Ia Berfungsi?

Sebelum tahun taksiran 2008 (YA2008), cukai pendapatan ke atas dividen yang diagihkan oleh syarikat adalah berdasarkan sistem imputasi penuh. Di bawah sistem ini, cukai ke atas dividen dikenakan di peringkat syarikat dan pemegang saham. Bagaimanapun, cukai yang dikenakan ke atas pemegang saham akan diselaraskan dengan jumlah yang telah dibayar oleh syarikat melalui kredit cukai.

Sejak YA2008, cukai pendapatan dikenakan pada satu peringkat sahaja ke atas dividen yang diagihkan oleh syarikat. Di bawah sistem cukai satu peringkat ini, cukai ke atas keuntungan syarikat adalah muktamad dan dividen yang diagihkan dikecualikan daripada cukai di peringkat pemegang saham.

Menurut Langkah Cukai 2025 dalam Bajet 2025¹, skop cukai ke atas dividen termasuk:

- i. pendapatan dividen yang diterima oleh pemegang saham individu untuk dividen yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan daripada keuntungan syarikat; dan
- ii. pemegang saham individu termasuk individu yang bermastautin, bukan pemastautin dan individu yang memiliki saham melalui penama.

Sementara itu, pengecualian cukai dividen adalah ke atas:

- i. pendapatan dividen yang diterima dari luar negara;
- ii. pendapatan dividen yang diagihkan daripada keuntungan syarikat yang menerima taraf perintis dan elaun pelaburan semula;
- iii. pendapatan dividen yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan daripada keuntungan syarikat perkapalan yang dikecualikan daripada cukai;
- iv. pendapatan dividen yang diagihkan oleh koperasi;
- v. pendapatan dividen yang diisytiharkan oleh dana tertutup;
- vi. pendapatan dividen yang diterima oleh pemastautin daripada entiti Labuan, dan
- vii. sebarang pengecualian yang diberikan ke atas pendapatan dividen di peringkat pemegang saham.

¹ <https://belanjawan.mof.gov.my/pdf/belanjawan2025/ucapan/tax-measure.pdf>

Malah, rejim cukai dividen telah diperkenalkan di negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Korea Selatan dan Jepun. Negara-negara ini mengenakan cukai berganda ke atas pendapatan dividen.

Nun di seberang Tambak Johor, Singapura tidak mengenakan cukai dividen ke atas dividen yang diagihkan kepada pemegang saham di bawah sistem cukai korporat satu peringkat (cukai dibayar atas keuntungan sebelum pengagihan dividen).

Bagaimanapun, dividen yang diterima daripada koperasi, dividen dari luar negara yang diterima melalui perkongsian di Singapura, serta pengagihan pendapatan daripada Amanah Pelaburan Hartanah (REITs) melalui perkongsian di Singapura, atau jika berkaitan dengan menjalankan perniagaan atau profesion dalam REIT, adalah tertakluk kepada cukai.

Sementara itu di Indonesia, dividen yang diterima daripada syarikat liabiliti terhadap Indonesia dikenakan cukai pendapatan muktamad pada kadar 10%. Bagaimanapun, ia menjadi tidak dikenakan cukai jika penerima adalah pembayar cukai individu domestik yang dividennya dilaburkan semula di Indonesia dalam tempoh tertentu.

Menutup kelemahan cukai

Pakar yang tampil dalam berita baru-baru ini menyifatkan cukai dividen sebagai pendekatan yang unik dan inovatif bagi meningkatkan hasil kerajaan sambil menangani kelemahan cukai yang sedia ada.

Langkah ini memastikan sumbangan cukai yang lebih saksama daripada rakyat yang lebih meluas, terutamanya pemilik perniagaan dan individu berpendapatan tinggi (*high net worth individuals*, HNWI) yang mempunyai pegangan ekuiti yang besar dalam pasaran saham tempatan.

Pakar cukai dan pakar ekonomi juga menyetengahkan situasi yang mana pemilik perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mengelak daripada membayar cukai pendapatan dengan mengagihkan keuntungan kepada diri mereka sendiri sebagai dividen. Ini mengakibatkan kehilangan hasil cukai untuk kerajaan kerana pemilik perniagaan ini sama ada tidak membayar cukai pendapatan peribadi atau membayar cukai yang sangat sedikit disebabkan mereka melaporkan gaji sifar atau sangat rendah.

Sebuah pertubuhan PKS telah menggesa kerajaan untuk mengecualikan PKS daripada cukai dividen 2% yang dicadangkan. Persatuan itu menyuarakan kebimbangan bahawa cukai ini boleh "menjadi penghalang kepada PKS daripada mengembangkan perniagaan mereka atau memperoleh keuntungan yang lebih tinggi" sambil menekankan isu aliran tunai sebagai sebab utama ramai pemilik perniagaan mengelak daripada mengambil gaji.

Bagaimanapun, cadangan tersebut mencetuskan pandangan yang berbeza. Dari perspektif makroekonomi, pengkritik memberi amaran bahawa cukai dividen boleh

menjadikan Bursa Malaysia kurang menarik berbanding pasaran lain. Dengan kemudahan mengalihkan modal merentasi sempadan, pelabur mungkin akan memilih pasaran asing yang menawarkan syarat yang lebih baik untuk pelaburan dividen berjangka panjang. Namun, sesetengah pihak percaya impak cukai ini dapat diurus, kerana kos dan risiko untuk menyusun semula portfolio bagi memasuki pasaran yang kurang dikenali mungkin lebih tinggi berbanding manfaatnya.

Sesetengah pelabur dijangka menjadi “korban” yang jelas akibat langkah cukai baharu ini. HNWI dengan pelaburan besar dalam aset yang membayar dividen, seperti amanah pelaburan hartanah (REIT) dan saham mewah, akan terjejas secara langsung kerana pendapatan dividen mereka akan dipotong 2%. Golongan pelabur ini, yang banyak bergantung pada dividen sebagai pulangan utama, berkemungkinan akan merasakan kesan segera, menjadikan mereka antara yang paling terjejas oleh perubahan dalam dasar cukai ini.

Mengandaikan hasil dividen sebanyak 6% setahun, ambang pendapatan dividen RM100,000 bermaksud bahawa hanya pelabur dengan nilai pegangan saham melebihi RM1.7 juta akan terjejas. Oleh itu, pemegang saham minoriti biasa tidak mungkin terkesan oleh cukai baharu ini.

Potensi impak adalah seperti berikut:

	<u>Tanpa cukai dividen</u>	<u>Selepas pelaksanaan cukai dividen</u>
Pendapatan dividen	RM102,000	RM102,000
Tolak: Cukai 2%		(RM2,040)
Pendapatan dividen bersih diterima	RM102,000	RM99,960

Pengenalan cukai dividen juga boleh mempengaruhi strategi pembayaran dividen syarikat awam tersenarai (PLC) milik keluarga, kerana ia secara langsung mempengaruhi pendapatan dividen pemegang saham utama mereka.

Sebagai tindak balas, PLC mungkin memilih untuk meningkatkan pembayaran dividen bagi mengimbangi kesan cukai terhadap pemegang saham utama mereka atau sebaliknya, mengurangkan pembayaran dividen bagi mengelakkan cukai sepenuhnya. Sebagai alternatif, PLC boleh memilih untuk menggunakan lebih tunai bagi pembelian balik saham, yang berpotensi menaikkan harga saham mereka. Pendekatan ini, apabila digabungkan dengan pemberian saham dan skim opsyen saham pekerja (ESOS), akan memberi manfaat khusus kepada pengarah eksekutif (yang selalunya merupakan pemegang saham utama) kerana keuntungan modal tidak dikenakan cukai.

Lebih banyak penjelasan diperlukan

Cukai dividen ini akan menurunkan pendapatan keseluruhan bagi mereka yang terjejas, terutamanya individu yang banyak bergantung pada pendapatan dividen daripada

pelaburan mereka. Cukai ini mungkin mengurangkan dana tersedia mereka disebabkan perlu menghadapi tanggungan cukai baharu.

Masih belum dapat dipastikan sama ada pelabur yang terjejas, seperti pelabur REIT, pemegang saham utama PLC atau HNWI, akan memilih untuk keluar dari pasaran saham tempatan atau mengalihkan pelaburan mereka ke dalam kelas aset lain bagi mengelakkan cukai dividen. Secara keseluruhannya, kami percaya ramai mungkin mendapati lebih mudah untuk hanya membayar cukai 2% ke atas pendapatan dividen berbanding melalui kesulitan untuk merombak semula pegangan besar mereka.

Walaupun cukai baharu ini mungkin tidak menjejaskan pemegang saham minoriti biasa (tidak termasuk HNWI), ia mewujudkan ketidakpastian dalam pasaran. Pelabur runcit yang menerima pendapatan dividen sederhana bimbang bahawa langkah ini mungkin menjadi petunjuk bahawa kerajaan akan mengenakan cukai pada tahap pendapatan dividen yang lebih rendah pada masa hadapan.

Kami menggesa kerajaan supaya memberikan penjelasan yang tepat pada masanya bagi meredakan kebimbangan ini serta mengurangkan risiko saham tidak terjual dalam pasaran modal tempatan.

SOROTAN PENTING MSWG

CEO MSWG SEBAGAI PEMUDAH CARA SESI UTAMA DI PERSIDANGAN SC-WORLD BANK 2024



Dr. Ismet Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif MSWG, menjadi pemudah cara untuk Sesi 1 di Persidangan SC-World Bank 2024, yang diadakan pada 15 Oktober di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Bertemakan “Memperkasakan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS): Mendorong Pertumbuhan Ihsan menerusi Pasaran Modal”, persidangan itu menghimpunkan pihak berkepentingan utama untuk

meneroka strategi inovatif bagi menyokong PMKS melalui inisiatif pasaran modal.

Sesi yang bertajuk “Mewujudkan Persekitaran Kondusif untuk PMKS melalui Pasaran Modal”, menekankan peranan pasaran modal yang semakin meningkat dalam pembangunan PMKS, menekankan potensinya untuk membantu PMKS berkembang walaupun terdapat kekurangan dana yang ketara sebanyak RM290 bilion. Dari 2017 hingga 2023, dana yang diperolehi dalam pasaran modal untuk PMKS dan Syarikat Pertengahan (*mid-tier companies*, MTC) meningkat hampir empat kali ganda, dengan kadar pertumbuhan tahunan terkompas sebanyak 25.8%. Bagaimanapun, di sebalik pertumbuhan ini, cabaran masih berterusan, terutamanya ketidakpadanan antara keperluan PMKS dengan ketersediaan modal yang lebih memihak kepada syarikat yang lebih besar.



Antara topik utama yang dibincangkan termasuklah memperkasakan Pasaran LEAP sebagai batu loncatan ke Pasaran ACE, memperluas produk untuk PMKS, serta memanfaatkan platform pelaburan alternatif seperti Pendanaan Awam Ekuiti (*Equity Crowdfunding*, ECF) dan Pembiayaan antara Rakan Setara (*Peer-to-Peer*, P2P). Sesi itu juga meninjau inisiatif pembiayaan khas seperti Dana

Pemacu oleh KWAP serta strategi lain bagi memperkukuh penawaran pasaran modal untuk PMKS.

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 28 hingga 1 November 2024

Berikut adalah AGM/ EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

TINJAUAN RINGKAS

Tarikh & masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
28.10.24 (Isnin) 10.00 pagi	Hong Leong Bank Berhad (AGM)	<p>Hong Leong Bank mencatatkan prestasi kewangan yang memberangsangkan dengan peningkatan keuntungan bersih sebanyak 10% kepada RM4.2 bilion bagi tahun kewangan 2024. Prestasi ini didorong oleh aktiviti pinjaman yang kukuh dalam segmen gadai janji perumahan, kenderaan dan perbankan PKS.</p> <p>Selain itu, syarikat bersekutu 19.8% Hong Leong di China, Bank of ChengDu menyumbang RM1.6 bilion kepada keuntungan bank pada tahun kewangan 2024.</p> <p>Pulangan ekuiti (<i>return on equity</i>, ROE) bank untuk tahun kewangan 2024 kekal memberangsangkan pada 11.8%.</p>
28.10.24 (Isnin) 11.00 pagi	EcoFirst Consolidated Bhd (AGM)	<p>Pendapatan EcoFirst meningkat dengan ketara kepada RM162.68 juta pada tahun kewangan 2024, berbanding dengan RM31.42 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Walaupun mencatatkan pertumbuhan pendapatan yang besar, keuntungan bersihnya hanya meningkat sebanyak 11% tahun ke tahun kepada RM11.87 juta.</p> <p>Keuntungan yang bertambah baik pada tahun kewangan berakhir 2024 didorong</p>

Tarikh & masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		<p>oleh pengiktirafan jualan yang lebih tinggi daripada projek pembangunan KL48, walaupun sebahagiannya sudah diimbangi oleh peningkatan perbelanjaan operasi.</p>
<p>29.10.24 (Selasa) 10.00 pagi</p>	<p>Fibon Berhad (AGM)</p>	<p>Pada tahun kewangan 2024, Syarikat mencatatkan pendapatan yang lebih rendah sebanyak RM18.29 juta, berbanding RM19.46 juta pada tahun sebelumnya, disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang perlahan serta jualan eksport yang lebih rendah yang berpunca daripada permintaan luar yang lemah.</p> <p>Seiring dengan pendapatan yang lebih rendah, keuntungan bersih Syarikat menyusut kepada RM4.42 juta pada tahun kewangan 2024, daripada RM4.88 juta pada tahun kewangan 2023.</p>
<p>29.10.24 (Selasa) 10.30 pagi</p>	<p>MNC Wireless Berhad (AGM)</p>	<p>Prestasi barisan atas Kumpulan meningkat kepada RM14.1 juta pada tahun kewangan 2024 daripada RM12.4 juta pada tahun kewangan 2023. Peningkatan ini dipacu oleh permintaan yang lebih tinggi untuk perkhidmatan wayarles dan multimedia.</p> <p>Bagaimanapun, Kumpulan mencatatkan kerugian sebelum cukai yang lebih tinggi pada tahun itu, berjumlah RM8.6 juta berbanding kerugian RM6.7 juta pada tahun kewangan 2023, disebabkan oleh pemampatan margin serta perbelanjaan operasi yang lebih tinggi.</p>
<p>29.10.24 (Selasa) 11.00 pagi</p>	<p>Ancom Logistics Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi berjumlah RM31.4 juta pada tahun kewangan 2024 berbanding RM30.6 juta pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Bagaimanapun, prestasinya bertukar rugi dengan kerugian sebelum cukai sebanyak</p>

Tarikh & masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		<p>RM1.9 juta, berbanding keuntungan RM1.2 juta pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Kerugian sebelum cukai pada tahun kewangan 2024 sebahagian besarnya disebabkan oleh rosot nilai ke atas hutang ragu untuk penghutang lain sebanyak RM1.9 juta.</p>
<p>29.10.24 (Selasa) 02.30 petang</p>	<p>Hong Leong Financial Group Berhad (AGM)</p>	<p>HLFG, yang memperoleh kira-kira 90% pendapatannya daripada Hong Leong Bank Berhad, mencatatkan keputusan yang menggalakkan pada tahun kewangan 2024.</p> <p>Keuntungan bersih Kumpulan mencatatkan pertumbuhan 11% tahun ke tahun kepada RM3.2 bilion, yang diterjemahkan kepada pulangan ekuiti (return on equity, ROE) yang lebih tinggi sebanyak 11.2% pada tahun tersebut.</p> <p>Kumpulan menaikkan dividennya sebanyak 10.2% kepada 54 sen sesaham pada tahun kewangan 2024.</p>
<p>29.10.24 (Selasa) 03.00 petang</p>	<p>Ancom Nylex Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan Kumpulan tidak banyak berubah, berjumlah RM2.00 bilion pada tahun kewangan 2024, berbanding RM2.04 bilion pada tahun sebelumnya.</p> <p>Prestasi ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pendapatan yang lebih rendah daripada bahagian Kimia Pertanian (Agrichemicals) dan Kimia Perindustrian (Industrial Chemicals). Walaupun menghadapi masalah, Kumpulan mencapai keuntungan bersih sebanyak RM81.5 juta, meningkat 8.5% daripada RM75.1 juta pada tahun kewangan 2023. Peningkatan ini didorong oleh jualan yang lebih tinggi untuk produk kimia pertanian yang bermargin lebih tinggi.</p>

Tarikh & masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
30.10.24 (Rabu) 10.00 pagi	Cypark Resources Berhad (AGM)	<p>Prestasi Cypark yang mengalami kerugian seperti yang ditunjukkan dalam keputusan kewangan suku tahun terkini bagi tempoh pelaporan berakhir 31 Julai 2024 mencadangkan bahawa syarikat ini masih belum pulih sepenuhnya daripada kesulitan yang dihadapi.</p> <p>Pemain tenaga boleh dibaharui (renewable energy, RE) ini melaporkan kerugian bersih berjumlah RM18.07 juta pada suku pertama tahun kewangan 2025, berbanding keuntungan bersih sebanyak RM559,134 dalam tempoh yang sama sebelum ini.</p> <p>Operasi loji Sisa kepada Tenaga (Waste-To-Energy, WTE) Ladang Tanah Merah yang baru siap dibina tidak berjalan lancar. Loji itu mengalami kebakaran yang tidak dijangka pada suku keempat tahun kewangan 2024, yang membawa kepada kerja-kerja pembetulan dan pembaikan. Apabila kerja-kerja ini dijalankan, Cypark berdepan peningkatan kos dan jualan elektrik yang lebih rendah, sekali gus menjejaskan keuntungannya pada suku terbaru yang dilaporkan.</p>
30.10.24 (Rabu) 10.00 pagi	TAS Offshore Berhad (AGM)	<p>TAS Offshore menyaksikan pendapatannya meningkat sekali ganda kepada RM72.39 juta pada tahun kewangan 2024 daripada RM36.13 juta pada tahun sebelumnya. Prestasi barisan atas yang lebih baik ini didorong oleh peningkatan dalam bilangan kapal yang dihantar pada tahun tersebut.</p> <p>Bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai pada tahun itu lebih rendah, berjumlah RM12.80 juta (tahun kewangan 2023: RM16.83 juta), disebabkan oleh pendapatan lain yang lebih rendah berjumlah RM2.17 juta (tahun kewangan 2023: RM13.50 juta).</p>

Tarikh & masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
30.10.24 (Rabu) 02.30 petang	Pensonic Holdings Berhad (AGM)	<p>Pensonic mencatatkan pertumbuhan pendapatan sebanyak 13% kepada RM309.3 juta pada tahun kewangan 2024, disumbangkan oleh jualan eksport yang lebih tinggi ke Timur Tengah, yang melonjak 441% kepada RM34.8 juta.</p> <p>Jualan eksport menyumbang 37% daripada jumlah pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan 2024, meningkat daripada 30% setahun yang lalu.</p> <p>Walaupun jualan meningkat, Kumpulan mencatatkan kerugian sebelum cukai yang lebih tinggi sebanyak RM7.3 juta, sebahagian besarnya disebabkan oleh keputusan strategik untuk menurunkan nilai inventori berjumlah RM6 juta.</p>
01.11.24 (Jumaat) 10.30 pagi	Mtouche Technology Berhad (EGM)	<p>Syarikat berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan pengurangan modal saham terbitan mTouche Technology Berhad sebanyak RM203 juta, menurut Seksyen 117 Akta Syarikat 2016.</p>

PERKARA PENTING

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
<p>Hong Leong Bank Berhad (AGM)</p>	<p>Syarikat bersekutu 19.8% HLB iaitu Bank of Chengdu (BOCD) menyumbang RM1.6 bilion (tahun kewangan 2023: RM1.3 bilion) kepada keuntungan Bank, atau bersamaan dengan 31.16% (tahun kewangan 2023: 28.3%) daripada keuntungan sebelum cukai Bank sebanyak RM5.134 bilion.</p> <p>Sementara itu, pertumbuhan pendapatan daripada perniagaan teras HLB (iaitu, 0% dan 6.2% untuk tahun kewangan 2023 dan 2024) kelihatan kecil berbanding pertumbuhan luar biasa BOCD yang mencapai 25% tahun ke tahun dalam tempoh yang sama. Sebagai perbandingan, sumbangan keuntungan BOCD kepada HLB pada tahun kewangan 2020 ialah 17.4%.</p> <p>Sumbangan besar BOCD sememangnya memberikan kesan positif kepada Kumpulan, namun ini juga menunjukkan pergantungan yang semakin meningkat terhadap BOCD serta pendedahan yang lebih tinggi kepada ekonomi makro China. Walaupun begitu, BOCD adalah bank yang diurus secara berhemat dengan nisbah pinjaman terjejas kasar (<i>gross impaired loan, GIL</i>) yang rendah, iaitu 0.66%.</p> <p>a) Dalam satu temubual media bersama sebuah mingguan perniagaan tempatan, pengarah urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan HLB, Kevin Lam menyatakan bahawa prestasi cemerlang BOCD kini “<i>bukan lagi masalah yang menyenangkan</i>” kerana pertumbuhan perniagaan teras HLB tidak berkembang pada kadar yang setanding.</p> <p>Bagaimanakah Bank mengimbangi pertumbuhan antara syarikat bersekutu dan francais teras mereka dalam jangka panjang? Bagaimanakah Bank memacu pertumbuhan francais tempatan dan luar negara?</p> <p>b) Apakah jangkaan kadar pertumbuhan BOCD dan francais teras dalam jangka sederhana?</p>
<p>EcoFirst Consolidated Bhd (AGM)</p>	<p>Tanah U9 Shah Alam yang terletak di Mukim Bukit Raja, Shah Alam telah dijual dengan harga tunai sebanyak RM34 juta. Harga jualan yang lebih rendah ini adalah disebabkan oleh perubahan ketara dalam pembangunan di sekitar Tanah tersebut, yang menjadikan ia tidak lagi sesuai untuk Kumpulan meneruskan pembangunan yang dirancang. Tanah ini dibeli pada tahun kewangan 2023.</p>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan																																																												
	<p>Kerugian yang terhasil daripada penjualan Tanah ini berjumlah RM15.18 juta, yang telah diiktiraf sebagai penurunan nilai inventori pada tahun kewangan 2024 (Halaman 23, Laporan Tahunan).</p> <p>a) Sila jelaskan perubahan ketara dalam pembangunan sekitar Tanah tersebut yang mendorong Syarikat untuk menjualnya.</p> <p>b) Adakah syarikat telah menjalankan kajian terperinci terhadap Tanah ini sebelum membelinya? Kajian sedemikian mungkin dapat membantu syarikat mengenal pasti sebarang perubahan ketara dalam pembangunan Tanah tersebut.</p> <p>c) Mengapakah syarikat menjual Tanah ini di bawah nilai pasaran sebanyak RM31 juta seperti yang dinilai oleh penilai, CCO & Associates (KL) Sdn. Bhd., dalam laporan penilaian bertarikh 17 Oktober 2024? (Pengumuman Bursa bertarikh 18/7/24)</p>																																																												
<p>Fibon Berhad (AGM)</p>	<p>“Secara keseluruhan, kos operasi, termasuk tenaga kerja, bahan, pengedaran dan utiliti, terus meningkat akibat inflasi global, yang menjejaskan daya tahan perniagaan serta mengecilkan margin keuntungan operasi.” (Halaman 8, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Sila jelaskan dengan lebih terperinci bagaimanakah peningkatan kos operasi ini menjejaskan margin keuntungan Syarikat?</p>																																																												
<p>MNC Wireless Berhad (AGM)</p>	<p>Berikut adalah gambaran segmen operasi dari segi pendapatan dan keputusan segmen kepada Kumpulan untuk tahun kewangan berakhir 2020 hingga tahun kewangan berakhir 2024. (Sumber: Laporan Tahunan 2020 - 2024)</p> <table border="1" data-bbox="592 1534 1378 1843"> <thead> <tr> <th>Segmental Revenue</th> <th>2020</th> <th>2021</th> <th>2022</th> <th>2023</th> <th>2024</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Mobile Application</td> <td>8,161,575</td> <td>4,861,732</td> <td>1,854,790</td> <td>910,065</td> <td>381,633</td> </tr> <tr> <td>Wireless and Multimedia related services</td> <td>11,872,848</td> <td>16,376,812</td> <td>13,170,413</td> <td>11,525,538</td> <td>13,770,968</td> </tr> <tr> <td>Others</td> <td>22,000</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Total Revenue</td> <td>20,056,423</td> <td>21,238,544</td> <td>15,025,203</td> <td>12,435,603</td> <td>14,152,601</td> </tr> </tbody> </table> <table border="1" data-bbox="592 1693 1378 1843"> <thead> <tr> <th>Segmental Results</th> <th>2020</th> <th>2021</th> <th>2022</th> <th>2023</th> <th>2024</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Mobile Application</td> <td>- 1,988,385</td> <td>- 4,254,164</td> <td>- 2,331,233</td> <td>- 326,013</td> <td>150,993</td> </tr> <tr> <td>Wireless and Multimedia related services</td> <td>- 2,861,335</td> <td>- 14,330,214</td> <td>- 16,553,523</td> <td>- 2,880,767</td> <td>- 2,988,632</td> </tr> <tr> <td>Others</td> <td>- 722,879</td> <td></td> <td></td> <td>- 560,065</td> <td>- 1,544,775</td> </tr> <tr> <td>Total Segmental Results</td> <td>- 5,572,599</td> <td>- 18,584,378</td> <td>- 18,884,756</td> <td>- 3,766,845</td> <td>- 4,382,414</td> </tr> </tbody> </table> <p>a) Mengapakah jualan aplikasi mudah alih merosot secara drastik daripada RM8.2 juta pada tahun kewangan berakhir 2020 kepada hanya RM381,633 pada tahun kewangan</p>	Segmental Revenue	2020	2021	2022	2023	2024	Mobile Application	8,161,575	4,861,732	1,854,790	910,065	381,633	Wireless and Multimedia related services	11,872,848	16,376,812	13,170,413	11,525,538	13,770,968	Others	22,000					Total Revenue	20,056,423	21,238,544	15,025,203	12,435,603	14,152,601	Segmental Results	2020	2021	2022	2023	2024	Mobile Application	- 1,988,385	- 4,254,164	- 2,331,233	- 326,013	150,993	Wireless and Multimedia related services	- 2,861,335	- 14,330,214	- 16,553,523	- 2,880,767	- 2,988,632	Others	- 722,879			- 560,065	- 1,544,775	Total Segmental Results	- 5,572,599	- 18,584,378	- 18,884,756	- 3,766,845	- 4,382,414
Segmental Revenue	2020	2021	2022	2023	2024																																																								
Mobile Application	8,161,575	4,861,732	1,854,790	910,065	381,633																																																								
Wireless and Multimedia related services	11,872,848	16,376,812	13,170,413	11,525,538	13,770,968																																																								
Others	22,000																																																												
Total Revenue	20,056,423	21,238,544	15,025,203	12,435,603	14,152,601																																																								
Segmental Results	2020	2021	2022	2023	2024																																																								
Mobile Application	- 1,988,385	- 4,254,164	- 2,331,233	- 326,013	150,993																																																								
Wireless and Multimedia related services	- 2,861,335	- 14,330,214	- 16,553,523	- 2,880,767	- 2,988,632																																																								
Others	- 722,879			- 560,065	- 1,544,775																																																								
Total Segmental Results	- 5,572,599	- 18,584,378	- 18,884,756	- 3,766,845	- 4,382,414																																																								

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p>berakhir 2024? Apakah rancangan Kumpulan untuk merancang semula jualan perniagaan aplikasi mudah alih?</p> <p>b) Apakah pandangan Kumpulan terhadap jualan segmen perniagaan aplikasi mudah alih? Adakah trend penurunan ini akan berterusan pada tahun hadapan?</p> <p>c) Bagaimanakah Kumpulan berjaya mencatatkan pulangan keuntungan sebanyak RM150,993 dengan margin keuntungan 40% dalam segmen perniagaan ini pada tahun kewangan berakhir 2024 walaupun terdapat trend penurunan dalam pendapatan?</p> <p>d) Apakah yang termasuk dalam kategori "Lain-lain"? Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam kerugian segmen ini, iaitu daripada RM560,065 pada tahun kewangan berakhir 2023 kepada RM1.5 juta pada tahun kewangan berakhir 2024?</p>
<p>Ancom Berhad (AGM)</p> <p>Logistics</p>	<p>1. ALB mencatatkan kerugian bersih yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2024 dengan kerugian bersih sebanyak RM3.74 juta (tahun kewangan 2023: RM385,000), walaupun terdapat sedikit peningkatan dalam pendapatan, sebanyak RM31.4 juta sepanjang tahun tersebut.</p> <p>Kerugian ini sebahagian besarnya disebabkan oleh rosot nilai ke atas hutang ragu untuk penghutang lain yang berjumlah RM1.9 juta (tahun kewangan 2023: RM0.2 juta) dan cukai yang lebih tinggi yang dibayar pada tahun tersebut.</p> <p>a) Sejauh manakah kemungkinan Kumpulan dapat memulihkan prestasi kewangannya pada tahun kewangan 2025? Dengan kapasiti tangki simpanan baharu yang akan mula beroperasi, bagaimanakah prestasi kewangan Kumpulan pada tahun kewangan 2025?</p> <p>b) Sehingga 31 Mei 2024, komitmen modal yang berjumlah RM8.76 juta telah dikontrakkan tetapi belum diperuntukkan (Halaman 102, Nota 23 – Komitmen Modal, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Apakah penggunaan jumlah yang dikontrakkan? Apakah pula perkhidmatan yang perlu disediakan?</p>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p>2. Perkara Audit Utama (Halaman 61 – 62, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Keupayaan Memulihkan Deposit</p> <p>Sehingga 31 Mei 2024, jumlah kasar deposit Kumpulan dan Syarikat adalah sebanyak RM6.6 juta dan RM6.5 juta masing-masing, seperti yang dinyatakan dalam Nota 9 kepada penyata kewangan (Halaman 62, Laporan Tahunan 2024). Pada tahun kewangan 2024, Kumpulan dan Syarikat juga mempunyai deposit yang mengalami rosot nilai tambahan sebanyak RM1.87 juta (tahun kewangan 2023: RM171,000) (Halaman 84, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>i. Di bawah Penghutang Perdagangan dan Lain-lain (Halaman 84, Nota 9, Laporan Tahunan 2024), deposit sebanyak RM4.958 juta (tahun kewangan 2023: tiada) dikategorikan sebagai penghutang lain bukan semasa pada tahun kewangan 2024. Pada masa yang sama, kerugian rosot nilai sebanyak RM1.509 juta (tahun kewangan 2023: tiada) telah dibuat pada tahun tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengapakah Kumpulan mengenakan rosot nilai sebanyak RM1.509 juta ke atas deposit tidak lama selepas pembayaran deposit yang berjumlah RM4.958 juta dibuat? Siapakah penerima wang deposit yang berjumlah RM4.958 juta itu? Apakah tujuan pembayaran tersebut? Apakah keadaan yang menyebabkan deposit itu tidak dapat dipulangkan? - Apakah langkah yang perlu diambil bagi mengelakkan senario yang sama daripada berulang pada masa akan datang? Apakah kebarangkalian untuk mendapatkan semula deposit itu sepenuhnya? Adakah peruntukan tambahan diperlukan dalam tahun kewangan 2025? <p>ii. Merujuk kepada Soalan 1 MSWG yang dibangkitkan semasa Mesyuarat Agung Tahunan ke-57 yang diadakan pada 27 Oktober 2023, ALB telah menerima RM3.2 juta daripada deposit yang boleh dipulangkan</p>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p>berjumlah RM10 juta, yang telah dibayar selepas menandatangani Tawaran kepada Perjanjian Pembelian dengan S7 Holdings Sdn Bhd pada 1 September 2020 untuk mengambil alih 76.38% kepentingan dalam S5 Holdings Inc.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Adakah Kumpulan telah menerima kembali sepenuhnya baki deposit? - Deposit yang boleh dipulangkan sebanyak RM10 juta itu dijangka dibayar balik sebelum 31 Disember 2022 melalui empat ansuran. Jika S7 gagal memulangkan deposit sepenuhnya kepada ALB selewat-lewatnya pada 31 Disember 2022, ALB berhak untuk mewujudkan hak cagaran yang boleh dikuatkuasakan ke atas Dokumen Cagaran dan menguatkuasakan cagarannya yang dibuat di bawah Dokumen Cagaran serta mengenakan faedah lewat pada kadar 4% daripada tarikh Deposit Boleh Dipulangkan sepatutnya dibayar sehingga tarikh ia dibayar balik sepenuhnya. <p>(Petikan daripada pengumuman ALB bertarikh 13 Mei 2022).</p> <p>Berapakah jumlah faedah pembayaran lewat yang diterima oleh Kumpulan akibat kelewatan pemulangan deposit sepenuhnya oleh S7?</p> <p>b) Keupayaan untuk mendapatkan semula penghutang perdagangan</p> <p>Sehingga 31 Mei 2024, jumlah kasar penghutang perdagangan Kumpulan adalah sebanyak RM5.387 juta. Kumpulan telah menambah lagi rosot nilai ke atas penghutang perdagangan berjumlah RM134,000 pada tahun kewangan 2024 (Halaman 61, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Juruaudit luar BDO PLT menetapkan bahawa perkara ini adalah perkara audit utama (<i>Key Audit Matter, KAM</i>) kerana <i>"ia memerlukan pihak pengurusan untuk menggunakan pertimbangan yang ketara dalam menentukan kebarangkalian kemungkiran oleh penghutang</i></p>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p><i>perdagangan dan maklumat jangkaan yang sesuai bagi menilai elaun kerugian kredit yang dijangkakan”.</i></p> <p>Keupayaan untuk memulihkan penghutang perdagangan telah menjadi KAM secara berterusan sejak tahun kewangan 2017.</p> <p>Apakah perkara yang menimbulkan kebimbangan yang menyebabkan hal ini dimasukkan sebagai KAM secara berterusan? Bagaimanakah ALB mengurus penghutang bagi mengurangkan risiko yang dinyatakan di atas? Apakah kebarangkalian untuk mendapatkan semula penghutang perdagangan sepenuhnya? Adakah peruntukan tambahan diperlukan dalam tahun kewangan 2025?</p>
<p>Hong Leong Financial Group Berhad (AGM)</p>	<p>Urusan Operasi & Kewangan</p> <p>1. Pengendali insurans dan takaful (<i>insurance and takaful operators, ITO</i>) dikehendaki menyediakan pilihan pembayaran bersama untuk produk insurans dan takaful perubatan dan kesihatan (<i>medical and health insurance and takaful, MHIT</i>) mereka mulai 1 September 2024.</p> <p>Bayaran bersama ialah bayaran tambahan yang perlu dibayar oleh pesakit yang diinsuranskan apabila mereka mendapatkan rawatan untuk penyakit yang dilindungi, selain daripada premium biasa yang dibayar oleh mereka.</p> <p>a. Apakah perubahan tingkah laku yang dapat dilihat pada pesakit dan penanggung insurans selepas perubahan polisi ini?</p> <p>b. Bank Negara Malaysia menyatakan bahawa rasional untuk memperkenalkan ciri pembayaran bersama dalam MHIT adalah untuk menurunkan premium insurans kesihatan serta membendung kenaikan kos perubatan di Malaysia dengan mengawal penggunaan yang berlebihan dalam perkhidmatan kesihatan.</p> <p>Adakah tindakan ini diterjemahkan kepada pengurangan dalam premium insurans dan dengan itu membebaskan premium tetap perniagaan baharu (<i>new business regular premiums, NBRP</i>) untuk produk perubatan?</p>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p>c. ITO berlesen hendaklah menawarkan sekurang-kurangnya satu produk pembayaran bersama dengan tahap bayaran bersama minimum 5% menjelang 1 September dan mewujudkan produk baharu dengan ciri-ciri tersebut jika produk itu belum ada dalam senarai produk ITO.</p> <p>Apakah produk yang dilancarkan dengan ciri-ciri pembayaran bersama? Bagaimanakah penerimaan pasaran terhadap produk ini?</p> <p>Hal-hal Kemampanan</p> <p>2. Hong Leong Assurance (HLA) telah menyepadukan pertimbangan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) ke dalam proses pelaburannya, yang ditambah lagi dengan kad skor ESG dalaman. Tindakan ini bertujuan untuk mengenal pasti dan mengklasifikasikan syarikat penerima pelaburan berdasarkan pemarkahan risiko E&S mereka.</p> <p>a. Apakah proses atau prosedur penilaian yang terlibat sebelum markah atau penarafan untuk setiap syarikat penerima pelaburan ditentukan? Berapakah jumlah peringkat yang ditetapkan untuk pemarkahan risiko E&S HLA?</p> <p>b. Berapa peratus daripada jumlah pelaburan HLA pada tahun kewangan 2024 telah dilaburkan dalam instrumen berkaitan kemampanan? Sila berikan pecahan pelaburan ini mengikut jenis dan tahap risiko ESG.</p> <p>c. Adakah HLA menetapkan sasaran bagi mencapai peratusan tertentu untuk pelaburan mampan dalam keseluruhan portfolio pelaburan? Jika ada, sila kongsi sasaran dan strategi untuk mencapainya.</p> <p>d. Selain daripada pendekatan pelaburan, pembangunan produk dan pengunderaitan adalah aspek penting bagi penanggung insurans disebabkan oleh potensi risiko kewangan yang dikaitkan dengan produk atau polisi pengunderaitan yang tidak mengambil kira pertimbangan ESG.</p> <p>Apakah produk insurans mampan yang sedang dibangunkan oleh HLA untuk menyokong peralihan ke</p>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p>arah ekonomi yang lebih rendah karbon? Dalam sektor atau industri manakah HLA mengurangkan/ menarik balik pendedahan pengunderaitannya? Sila jelaskan cara faktor ESG disepadukan ke dalam pembangunan produk dan proses pengunderaitan.</p>
Ancom Nylex Berhad (AGM)	<p>Bahagian Kimia Perindustrian merupakan penyumbang pendapatan terbesar kepada ANB dengan jualan berjumlah RM1.29 bilion pada tahun kewangan 2024. Bahagian ini merangkumi dua aktiviti perniagaan utama iaitu pembuatan dan pengedaran.</p> <p>a) Walaupun pendapatan daripada bahagian Bahan Kimia Perindustrian pada tahun kewangan 2024 meningkat sekali ganda berbanding Bahagian Agrokimia (bahan kimia pertanian), keuntungannya selepas cukai yang berjumlah RM14.5 juta adalah hampir tujuh kali lebih rendah berbanding RM103.4 juta yang direkodkan oleh Bahagian Agrokimia (Halaman 29 - 30, 151 Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Adakah margin keuntungan yang tipis ini merupakan norma dalam kalangan pengeluar dan pengedar bahan kimia perindustrian dalam industri tersebut? Apakah pecahan pendapatan antara pembuatan dan pengedaran produk kimia? Bagaimanakah Kumpulan dapat meningkatkan keuntungan bahagian itu?</p> <p>b) ANB merupakan satu daripada dua pengeluar etanol utama di Malaysia. Apakah bahagian pasaran etanol ANB di Malaysia?</p>
Cypark Resources Berhad (AGM)	<p>1. Pihak Pengurusan menggariskan fokus berikut untuk tahun kewangan 2024 (Halaman 10, Laporan Tahunan 2024):</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengurangkan hutang - Mengoptimumkan aset - Meningkatkan kecekapan pengurusan projek <p>a) Setakat 30 April 2024, jumlah pinjaman Cypark meningkat kepada RM1.487 bilion daripada RM1.447 bilion pada 30 April 2023.</p> <p>Kos kewangan meningkat sekali ganda kepada RM33.437 juta pada tahun kewangan 2024, daripada RM15.624 juta dalam tempoh kewangan 18 bulan berakhir 30 April 2023 (tempoh kewangan berakhir 2023). Lembaran imbalan yang berpenggunaan tinggi ini mengakibatkan kos</p>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p>kewangan yang tinggi, memburukkan lagi prestasi kerugian Cypark.</p> <p>Apakah tindakan yang diambil untuk mengurangkan tahap hutang semasa Cypark? Apakah nisbah hutang kepada ekuiti yang ideal yang ingin dicapai dalam tempoh terdekat?</p> <p>b) Berdasarkan semakan strategik yang dijalankan sebelum ini, apakah kekuatan dan kelemahan yang dikenal pasti berhubung kecekapan dan pengurusan aset Cypark? Sehubungan itu, bagaimanakah Kumpulan memanfaatkan kekuatannya untuk memperbaiki kelemahannya?</p> <p>2. Dalam pengumuman keputusan suku tahunan untuk suku keempat tahun kewangan 2024 berakhir 30 April 2024, Cypark menyatakan bahawa insiden kebakaran yang tidak dijangka di loji WTE pada penghujung suku tersebut menyebabkan masa henti yang tidak dijadualkan bagi memberi jalan kepada kerja-kerja pembedahan dan pembaikan. Pihak pengurusan juga mengambil peluang ini untuk melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan ke atas automasi dan kecekapan loji.</p> <p>Kerja-kerja pembedahan diteruskan pada suku pertama tahun kewangan 2025 yang berakhir pada 31 Julai 2024 dan ini menjejaskan prestasi kewangan Syarikat. Akibatnya, Cypark melaporkan peningkatan dalam kerugian bersih sebanyak RM18.07 juta pada suku tersebut berbanding keuntungan bersih berjumlah RM304,509 dalam tempoh yang sama sebelum ini.</p> <p>Semua bahagian operasi Cypark mencatatkan keuntungan pada tahun kewangan 2024 kecuali Pengurusan Sisa dan WTE dengan kerugian segmen sebanyak RM61.63 juta pada tahun kewangan 2024 (halaman 158, Nota 34 – Maklumat Segmen, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Kerja-kerja pembedahan dan pembaikan</p> <p>i) Bagaimanakah kejadian kebakaran itu boleh berlaku?</p>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p>ii) Apakah jenis dan setakat manakah kerja-kerja pembetulan dan pembaikan yang dijalankan ke atas loji baharu itu? Sila huraikan aspek dan skop kerja-kerja pembetulan yang penting yang dijalankan ke atas loji WTE.</p> <p>iii) Adakah kerja-kerja pembetulan itu telah diselesaikan oleh Syarikat? Berapa lamakah masa yang diambil untuk menyiapkan kerja-kerja tersebut?</p> <p>iv) Memandangkan loji WTE Ladang Merah hanya mencapai tarikh operasi komersil (<i>commercial operations date</i>, COD) pada 14 Disember 2022, mengapakah pihak pengurusan telah memulakan kerja-kerja yang berkaitan automasi dan kecekapan meskipun loji itu hanya beroperasi kurang dari dua tahun?</p> <p>b) Kerja-kerja pembaikan telah mengakibatkan peningkatan kos, memberi kesan negatif kepada keuntungan Kumpulan.</p> <p>Berapakah jumlah kos yang ditanggung akibat kerja-kerja pembaikan yang tidak dijangka ini? Berapakah pula kerugian yang dikaitkan dengan masa henti yang tidak dijadualkan?</p> <p>c) Loji WTE itu dijangka menyumbang pendapatan kira-kira RM80 juta setahun. Sebagai perbandingan, bahagian Pengurusan Sisa dan WTE masing-masing menyumbang pendapatan berjumlah RM46.73 juta dan RM12.7 juta pada tahun kewangan 2024 dan suku pertama tahun kewangan 2025.</p> <p>Melihat keperluan terhadap kerja-kerja di luar jangka, adakah loji itu berada di landasan yang betul untuk mencapai pendapatan tahunan RM80 juta seperti yang disasarkan? Bilakah bahagian itu akan mencapai titik pulang modal?</p> <p>d) Cypark berkata dengan "<i>kejayaan pentauliahan untuk satu-satunya loji WTE di negara ini</i>", ia merancang untuk mengambil bahagian secara aktif dalam tender WTE pada masa hadapan (halaman 12, Laporan Kewangan Interim</p>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p>Belum Diaudit untuk suku pertama tahun kewangan 2025 berakhir 31 Julai 2024).</p> <p>Adakah kejadian yang tidak diingini itu menghalang prospek Cypark daripada mengambil bahagian dalam projek WTE pada masa hadapan, berikutan pelbagai masalah yang dihadapi oleh Cypark sewaktu mengendalikan loji tersebut?</p>
TAS Offshore Berhad (AGM)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pada tahun kewangan berakhir 2024, pasaran utama Kumpulan terdiri daripada Indonesia (85.47%) dan Singapura (14.53%). (Halaman 13, Laporan Tahunan 2024). <p>Mengapakah perniagaan Kumpulan hanya tertumpu kepada dua negara ini? Bagaimana dengan pasaran Malaysia dan adakah Kumpulan berhasrat untuk meluaskan pasaran ke negara lain?</p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Sepanjang tahun kewangan 2024, Kumpulan berjaya menyiapkan dan menghantar sepuluh unit bot tunda dengan nilai kontrak berjumlah RM67 juta kepada pemilik kapal yang berpangkalan di Indonesia dan Singapura. Memandang ke hadapan, baki kontrak Kumpulan yang berjumlah RM210 juta, dijangka menyumbang secara positif kepada prestasi kewangannya pada 2025 dan 2026. (Halaman 14, Laporan Tahunan 2024) <ol style="list-style-type: none"> a) Adakah Kumpulan berjaya mendapatkan kontrak baharu pada tahun kewangan berakhir 2024? Berapakah jumlah bilangan kapal dan berapakah nilainya? b) Berapakah jumlah bidaan yang dibuat oleh Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2024? Apakah kadar kejayaan yang dijangkakan? c) Berapakah purata masa yang diambil untuk membina dan menghantar sebuah bot tunda?
Pensonic Holdings Berhad (AGM)	<p>Walaupun menghadapi cabaran kewangan dalam jangka pendek, Kumpulan telah melaksanakan langkah strategik yang selaras dengan visi korporat dan perubahan dinamik Syarikat. Pihak pengurusan sedang berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan inisiatif strategik ini diterjemahkan kepada manfaat yang ketara dan hasil yang menggalakkan. Kumpulan yakin bahawa usaha ini akan membuka jalan kepada pertumbuhan</p>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p>yang kukuh serta prestasi kewangan yang lebih baik pada masa akan datang. (Halaman 8, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Apakah langkah strategik utama yang telah dilaksanakan? Bagaimanakah langkah ini sejajar dengan visi korporat dan matlamat transformasi Kumpulan?</p> <p>b) Bagaimanakah Kumpulan mengukur kejayaan langkah strategik ini? Apakah metrik atau Indeks Prestasi Utama (KPI) khusus yang digunakan oleh Kumpulan?</p> <p>c) Apakah petunjuk atau penanda aras yang digunakan oleh Kumpulan untuk menilai prestasi kewangan dalam tempoh beberapa tahun akan datang?</p>

18 NOVEMBER 2024 | MONDAY
9.00 AM - 5.00 PM
AVANTÉ HOTEL, PETALING JAYA



Registration Fee
RM1800

Early Bird
(Before 16 August 2024)
RM1600

Group of 2
or more
RM1600

All prices are subject to any applicable government tax.

All MSWG subscribers enjoy special rate for registration.

Please contact us for more details.

Register now



Scan the QR code
or click here

For more info, please contact:

Khalidah Khalil

+6017 630 0754

khalidah@mswg.org.my

Minority Shareholders Watch Group

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (20 0001022382)

Level 23-2, Menara AIA Sentral
No.30, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur, Malaysia

+603 2732 0010

www.mswg.org.my



Understanding the new National Sustainability Reporting Framework

Learn how the new requirements of IFRS S1 and IFRS S2 impact your corporate reporting obligations

Programme Overview

On 24 September 2024, the Securities Commission Malaysia announced implementation of the National Sustainability Reporting Framework (NSRF). It mandates IFRS Sustainability Disclosure Standards for listed and large non-listed companies. The framework aims to enhance transparency, accountability, and business resilience, aligning with the nation's sustainability goals. Compliance will be phased, starting in 2025 for large Main Market issuers, extending to others by 2027. Climate disclosures, aligned with TCFD recommendations are fully integrated into the ISSB standards.

Part 1 | 9:00 am - 10:30 am

Developments in the International Sustainability Reporting Landscape

- Commonly Adopted Sustainability Reporting Frameworks
- How the ISSB was Formed and Global Adoption Trends
- Adoption of the ISSB Standards in a Phased Manner for Malaysia
- Design and Applicability of the Standards:
 - IFRS S1 - General Requirements for Disclosure of Sustainability-Related Financial Information
 - IFRS S2 - Climate-Related Disclosures
- Future Developments in the Pipeline

Part 3 | 2:00 pm - 3:30 pm

IFRS S2 - Climate-Related Disclosures

- TCFD 101 as a Foundational Base for ISSB S2
 - Climate Risks: Physical and Transition Risks
 - Governance, Strategy, Risk Management, Metrics and Targets
- IFRS S2
 - Objective, Scope, Core Content, Application Guidance

Part 2 | 11:00 am - 12:30 pm

IFRS S1 - General Requirements for Disclosure of Sustainability-Related Financial Information

- Objective & Scope
- Conceptual Foundations
 - Materiality
 - Reporting Entity
- Sources of Guidance
 - SASB Standards
 - GRI
 - ESRS
- Statement of Compliance
- Treatment of Errors

Part 4 | 3:45 pm - 5:00 pm

Reliefs - Proportionality and Scalability Mechanism, Transitioning to an ISSB Report and Other Developments

- Without Undue Cost or Effort
- Consideration of Skills, Capabilities and Resources
- What Would an ISSB Report Look Like Versus the Current Sustainability Report Format(s)
- Assurance of Sustainability Report

Trainer's Profile

San Mei Kim

Mei Kim is a sustainability trainer. Prior to this, she was the former Sustainability Lead, Corporate Governance and Sustainability with the Regulation function at Bursa Malaysia. She co-led the development of key sustainability-related initiatives for the Malaysian capital market. This includes putting in place enhancements to Bursa Malaysia's Sustainability Reporting Framework (consisting of the listing requirements, sustainability reporting guides and related toolkits) as well as capacity building initiatives for public listed companies.

She is a GRI Certified Sustainability Professional and holds a Master in Sustainable Development Management from the Jeffrey Sachs Centre (Sunway University). She is also a member of the Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), Association of Certified Fraud Examiners (ACFE) and the Malaysian Institute of Accountants (MIA).

